



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

## **GARIS PANDUAN AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

---

### **PELESENAN (PEREDARAN ANTARABANGSA) (KENDERAAN BARANGAN RENTAS SEMPADAN ASEAN)**

#### **“PERMIT DAN PELEKAT PERMIT RENTAS SEMPADAN KENDERAAN BARANGAN ASEAN”**

**Pemberitahuan:**

Garis panduan ini bertujuan untuk membantu pemohon, pemegang permit dan pihak-pihak yang berminat dalam mengetahui lebih lanjut berkenaan pelesenan kenderaan barangan rentas sempadan ASEAN. Garis panduan ini merangkumi perkara-perkara seperti syarat-syarat permohonan, keperluan dokumen, fi pelesenan dan perkara-perkara berkaitan dengan permit dan pelekat permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN. Maklumat pada dokumen ini adalah sebagai panduan sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai nasihat perundangan atau dianggap sebagai menggantikan peruntukan perundangan.

Agensi Pengangkutan Awam Darat berhak untuk membuat pindaan atau perubahan kepada dokumen ini tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu.

**TARIKH: 28 DISEMBER 2023**

## **1. TUJUAN**

- 1.1 Dokumen ini dikeluarkan sebagai panduan kepada semua pemohon, pengendali berlesen perkhidmatan kenderaan barangan dan pihak-pihak yang berminat untuk menjalankan pergerakan rentas sempadan ASEAN. Dokumen ini meliputi perkara-perkara berkaitan pelesenan dan syarat-syarat yang akan dikenakan kepada pemegang permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pada 16 Jun 2023, Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2023 telah dikuatkuasakan bagi membolehkan pengawalseliaan kenderaan barangan rentas sempadan ASEAN dilaksanakan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) melalui pengeluaran permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN kepada pemegang lesen pengendali perkhidmatan kenderaan barangan di samping mengiktiraf permit dan pelekat permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN negara anggota ASEAN lain di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Kemudahan Barangan dalam Transit.
- 2.2 Susulan daripada itu, pada 20 November 2023 Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Peredaran Antarabangsa) (Kenderaan Barangan Rentas Sempadan ASEAN) 2023 telah diwartakan dalam memaklumkan undang-undang berkaitan pelesenan, syarat lesen, pematuhan, rayuan kepada Menteri, penubuhan Jawatankuasa Penyelaras Pengangkutan Transit Nasional Malaysia dan arahan Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
- 2.3 Dibawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Kemudahan Barangan dalam Transit, pemegang lesen pengendali perkhidmatan kenderaan barangan dibenarkan untuk melakukan pergerakan rentas sempadan melibatkan sekurang-kurangnya tiga (3) negara anggota ASEAN.

### **3. PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

3.1 Perkara-perkara yang hendak dimaklumkan adalah merangkumi perkara-perkara berikut:

- a) pelesenan;
- b) permohonan baharu permit dan pelekat permit;
- c) tempoh sah laku permit dan pelekat permit;
- d) permit dan pelekat permit tamat tempoh;
- e) permohonan pembatalan permit dan pelekat permit;
- f) permohonan salinan pendua permit dan pelekat permit;
- g) penyerahan permit dan pelekat permit;
- h) pintu masuk dan keluar; dan
- i) laluan rentas sempadan.

### **4. PELESENAN**

4.1 Pengendali berlesen perkhidmatan kenderaan barangan yang berhasrat untuk menggunakan kenderaan barangan milik syarikat bagi menjalankan pergerakan rentas sempadan dikehendaki untuk memohon permit dan pelekat permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN sebelum menyediakan perkhidmatan.

4.2 Pengendali berlesen perkhidmatan kenderaan barangan yang ingin memohon permit dan pelekat permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN hendaklah merupakan suatu –

- a) syarikat yang memiliki lesen pengendali perkhidmatan kenderaan barangan yang dikeluarkan di bawah Akta 715; dan
- b) syarikat yang menyediakan perkhidmatan pembawaan barangan merentasi sempadan ASEAN bagi mana-mana pihak ketiga dengan menggunakan suatu kenderaan barangan untuk sewa atau upah.

4.3 Permit dan pelekat permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN merupakan permit yang dikeluarkan oleh setiap negara anggota ASEAN kepada kenderaan barangan yang berdaftar di negara masing-masing.

4.4 Permit dan pelekat permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN yang dikeluarkan membenarkan pemegang permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN melakukan pergerakan rentas sempadan dari Malaysia ke mana-mana negara anggota ASEAN dan sebaliknya.

4.5 Dokumen yang akan dikeluarkan kepada setiap permohonan yang diluluskan adalah seperti berikut:

a) Permit Rentas Sempadan Kenderaan Barangan ASEAN

- merupakan tanda pengenalan yang hendaklah dibawa bersama di dalam kenderaan barangan semasa beroperasi dan hendaklah :-
  - mengandungi perkataan “ASEAN Goods Vehicle Cross-Border Permit”;
  - mengandungi maklumat pemilik kenderaan barangan (pemegang permit); dan
  - mengandungi spesifikasi teknikal kenderaan barangan.

b) Pelekat Permit Rentas Sempadan Kenderaan Barangan ASEAN

- hendaklah dipamer dan diperagakan pada kedudukan yang tidak terhalang di sisi kiri hadapan cermin kenderaan barangan semasa beroperasi dan hendaklah :-
  - mengandungi perkataan “ASEAN Goods Vehicle Cross-Border Permit Sticker”
  - mengandungi maklumat nombor permit dan tarikh tamat permit’
  - mengandungi maklumat berhubung kenderaan barangan iaitu nombor pendaftaran, nombor casis dan had berat maksimum dengan muatan yang dibenarkan;
  - mengandungi nama operator pengangkutan (pemegang permit);
  - mengandungi bendera rasmi Malaysia;

- mengandungi lambang atau cap rasmi Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat; dan
- mengandungi lambang rasmi ASEAN.

c) Keperluan Tahap Perkhidmatan

- merupakan sebahagian daripada syarat-syarat lesen dan keperluan yang perlu dipatuhi oleh pemegang permit yang merangkumi aspek keselamatan, perkhidmatan pelanggan, kebolehpercayaan dan kebolehcapaian.

- 4.6 Rupa bentuk permit dan pelekat permit adalah seperti di Lampiran 1.
- 4.7 Pemohon hendaklah membayar fi pengeluaran permit dan pelekat permit sebelum permit dan pelekat permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN dikeluarkan.
- 4.8 Hanya satu permit dan pelekat permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN akan dikeluarkan bagi setiap set kenderaan tegar atau bersendi (penggerak utama dan treler).
- 4.9 Fi pelesenan yang akan dikenakan adalah sepertimana di Lampiran 2.
- 4.10 Jenis-jenis permohonan yang terlibat adalah:
- a) permohonan baharu;
  - b) permohonan pembatalan; dan
  - c) permohonan salinan pendua.
- 4.11 Permit dan pelekat permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN ini tidak boleh dipindahkan atau diserahkan kepada orang lain.
- 4.12 Apa-apa perubahan kepada permit dan pelekat permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN hendaklah mendapat kelulusan daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).

## **5. PERMOHONAN BAHARU PERMIT DAN PELEKAT PERMIT**

- 5.1 Pemohon yang ingin memohon permit dan pelekat permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN boleh mengemukakan permohonan secara atas talian kepada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) melalui Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (iSPKP) di pautan <https://iportal.ispkp.gov.my/>
- 5.2 Pemohon hendaklah memastikan setiap kenderaan yang ingin dimohon telah didaftarkan di bawah Akta 715 di bawah kelas lesen Pembawa A sebelum mengemukakan permohonan kepada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).
- 5.3 Setiap permohonan hendaklah dibuat oleh ahli lembaga pengarah syarikat atau wakil yang dilantik sebagaimana maklumat pada Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (iSPKP).
- 5.4 Setiap permohonan yang dikemukakan hendaklah memaklumkan jenis kenderaan dan jumlah permit bagi setiap kenderaan yang hendak dioperasikan semasa mengemukakan permohonan kepada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) beserta dengan fi permohonan permit.
- 5.5 Setiap permohonan akan diproses selama empat belas (14) hari bekerja. Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (iSPKP).
- 5.6 Bagi setiap permohonan yang diluluskan, pemohon adalah dikehendaki untuk mengambil cetakan permit dan pelekat permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN di Ibu Pejabat, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) selepas pembayaran fi pengeluaran permit dan pelekat permit dibuat dalam Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (iSPKP).

5.7 Syarat-syarat kelayakan permohonan adalah seperti berikut di bawah :-

- a) Terbuka kepada syarikat Sdn Bhd atau Berhad yang memiliki lesen pengendali perkhidmatan kenderaan barangan di bawah kelas lesen Pembawa A yang masih aktif;
- b) Mempunyai modal berbayar tidak kurang daripada RM250,000 bagi Pembawa A (bukan kontena) dan RM500,000 bagi Pembawa A (kontena);
- c) Mempunyai keperluan dan kemampuan bagi menyediakan perkhidmatan pengangkutan barangan rentas sempadan.

5.8 Syarat-syarat melesenkan kenderaan adalah seperti berikut di bawah :-

- a) Jenis-jenis kenderaan yang dibenarkan:
  - kenderaan barangan jenis kontena yang diperaku di bawah ISO;
  - kenderaan barangan jenis berkotak sejuk;
  - kenderaan barangan jenis tangki; dan
  - kenderaan barangan jenis berkotak.
- b) Pemegang permit hendaklah mematuhi semua aspek teknikal dan spesifikasi yang telah ditetapkan dan memenuhi syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan di dalam Protokol 3 dan Protokol 4 di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Kemudahan Barangan dalam Transit. Sila rujuk Lampiran 3 untuk maklumat lanjut berkenaan aspek teknikal dan spesifikasi.
- c) Had usia kenderaan barangan adalah tidak melebihi lima belas (15) tahun dari tahun diperbuat.
- d) Kenderaan barangan hendaklah mematuhi semua kehendak ICOP – Keselamatan APAD merangkumi Latihan ICOP, pemasangan GPS dan Laporan Pemeriksaan dan Audit Keselamatan (JISA) Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

5.9 Setiap permohonan yang dikemukakan hendaklah disertakan dengan maklumat dan dokumen sokongan seperti:

- a) salinan pelan badan kenderaan barangan dan lukisan elevasi susunan am yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan;
- b) salinan Laporan Pemeriksaan Awalan (PG11A) yang dikeluarkan oleh Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) yang masih sah; dan
- c) salinan kontrak atau surat lantikan sebagai agen pengangkutan rentas sempadan yang masih sah.

5.10 Jumlah kuota yang ditawarkan adalah sebanyak lima ratus (500) permit sahaja.

## **6. TEMPOH SAH LAKU PERMIT DAN PELEKAT PERMIT**

6.1 Tempoh sah laku permit dan pelekat permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN adalah sah bagi tempoh tidak melebihi satu (1) tahun.

## **7. PERMIT DAN PELEKAT PERMIT TAMAT TEMPOH**

7.1 Pemegang permit yang masih berminat untuk melakukan pergerakan rentas sempadan selepas permit dan pelekat permit tamat tempoh adalah dihendaki untuk mengemukakan permohonan baharu kepada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) melalui Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (iSPKP) bagi pengeluaran permit dan pelekat permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN yang baru.

7.2 Setiap permohonan hendaklah dibuat oleh ahli lembaga pengarah syarikat atau wakil yang dilantik sebagaimana maklumat pada Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (iSPKP).

## **8. PERMOHONAN PEMBATALAN PERMIT DAN PELEKAT PERMIT**

8.1 Pemohon ingin memohon pembatalan permit dan pelekat permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN hendaklah mengemukakan



permohonan kepada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) melalui Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (iSPKP) sebelum menamatkan operasi.

8.2 Setiap permohonan hendaklah dibuat oleh ahli Lembaga pengarah syarikat atau ahli Lembaga koperasi atau wakil yang dilantik sebagaimana maklumat pada Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (iSPKP).

8.3 Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan maklumat dan dokumen sokongan yang berikut:-

- a) Resolusi Ahli Lembaga Pengarah berkaitan penamatan operasi;
- b) Permit Rentas Sempadan Kenderaan Barangan ASEAN asal;
- c) Pelekat Permit Rentas Sempadan Kenderaan Barangan ASEAN asal; dan
- d) maklumat atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Agensi.

8.4 Pemegang permit dikehendaki untuk mengembalikan permit dan pelekat permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN kepada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dalam tempoh lima (5) hari bekerja selepas mengemukakan permohonan pembatalan.

8.5 Tiada fi pelesenan akan dikenakan bagi permohonan pembatalan permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN.

8.6 Setiap permohonan akan diproses selama empat belas (14) hari bekerja. Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (iSPKP).

## **9. PERMOHONAN SALINAN PENDUA PERMIT DAN PELEKAT PERMIT**

9.1 Pemegang permit hendaklah mengemukakan permohonan salinan pendua permit atau pelekat permit kepada Agensi Pengangkutan Pengangkutan Awam

Darat (APAD) melalui Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (iSPKP) sekiranya :-

- a) permit atau pelekat permit didapati hilang, cacat, rosak atau musnah; atau
  - b) butiran pada permit atau pelekat permit tidak boleh dibaca atau warna permit atau pelekat permit itu telah menjadi pudar atau bertukar.
- 9.2 Setiap permohonan hendaklah dibuat oleh ahli lembaga pengarah syarikat atau wakil yang dilantik sebagaimana maklumat pada Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (iSPKP).
- 9.3 Setiap permohonan yang dikemukakan hendaklah disertakan dengan maklumat dan dokumen sokongan yang berikut:
- a) dokumen asal bagi dokumen baru yang ingin dimohon; atau
  - b) salinan Laporan Polis yang dibuat oleh ahli lembaga pengarah syarikat bagi dokumen yang telah hilang (Tempoh sah laku laporan adalah tidak kurang 14 hari dari tarikh permohonan).
- 9.4 Pemegang permit dikehendaki untuk mengembalikan permit atau pelekat permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN kepada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dalam tempoh lima (5) hari bekerja selepas mengemukakan permohonan salinan pendua.
- 9.5 Fi pelesenan yang akan dikenakan adalah sepertimana di Lampiran 2.
- 9.6 Setiap permohonan akan diproses selama empat belas (14) hari bekerja. Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (iSPKP).

## **10. PENYERAHAN PERMIT DAN PELEKAT PERMIT**

- 10.1 Pemegang permit adalah dikehendaki untuk mengembalikan permit dan pelekat permit rentas sempadan kenderaan barangan ASEAN yang masih sah kepada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) sekiranya kenderaan barangan yang digunakan bagi tujuan rentas sempadan didapati rosak, musnah, dijual atau dipindahmilik kepada orang lain.

## **11. PINTU MASUK DAN KELUAR**

- 11.1 Pemegang permit semasa menjalankan perkhidmatan kenderaan barangan rentas sempadan hendaklah memastikan bahawa kenderaan barangan hanya menggunakan pintu masuk dan keluar yang dibenarkan seperti yang disenaraikan dalam Lampiran 4.

## **12. LALUAN RENTAS SEMPADAN**

- 12.1 Pemegang permit semasa menjalankan perkhidmatan kenderaan barangan rentas sempadan hendaklah memastikan bahawa kenderaan barangan hanya menggunakan laluan rentas sempadan yang dibenarkan seperti yang disenaraikan dalam Lampiran 4

RUPA BENTUK PERMIT



RUPA BENTUK PELEKAT PERMIT



**LAMPIRAN 2**

**FI PELESENAN**

<b>(1) Bil.</b>	<b>(2) Hal Perkara</b>	<b>(3) Perihaln</b>	<b>(4) Fi (RM)</b>
1.	Permohonan bagi permit	Bagi tiap-tiap permohonan	10 (setiap kenderaan barangan)
2.	Pengeluaran permit dan pelekat permit	<p>(a) Permit</p> <p>(b) Pelekat permit</p> <p>(c) Fi kelulusan mengikut had berat maksimum dengan muatan yang dibenarkan –</p> <p>(a) 0 – 21,000 kilogram</p> <p>(b) 21,001 kilogram - 25,000 kilogram</p> <p>(c) 25,001 kilogram atau lebih</p>	<p>50 (setiap permit)</p> <p>50 (setiap pelekat)</p> <p>300 (setiap kenderaan barangan)</p> <p>600 (setiap kenderaan barangan)</p> <p>1,800 (setiap kenderaan barangan)</p>
3.	Pengeluaran salinan pendua permit dan pelekat permit	<p>(a) Permit</p> <p>(b) Pelekat permit</p>	<p>100 (setiap salinan)</p> <p>100 (setiap salinan)</p>


**1. SPESIFIKASI DAN ASPEK TEKNIKAL KENDERAAN BARANGAN RENTAS SEMPADAN ASEAN**

1.1 Pemegang permit hendaklah memastikan kenderaan barangan yang digunakan untuk pergerakan rentas sempadan memenuhi keperluan teknikal berkaitan dengan ukuran maksima kenderaan, berat maksima yang dibenarkan bagi sesuatu kenderaan, piawaian pelepasan asap kenderaan, kecekapan brek kenderaan dan *side slip* seperti berikut:

- a) Ukuran maksima kenderaan adalah
  - i) Panjang keseluruhan kenderaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3-A;
  - ii) Lebar keseluruhan kenderaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3-B;
  - iii) Tinggi keseluruhan kenderaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3-C; dan
  - iv) Juntaian Belakang seperti yang dijelaskan dalam Jadual 3-D.
- b) Berat Dengan Muatan (BDM) / Berat Gabungan Kenderaan (BGK) yang dibenarkan bagi sesuatu kenderaan seperti adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3-E.
- c) Keperluan bagi piawaian pelepasan asap kenderaan adalah 50% (*Opacity* atau unit *Bosch*) atau 50 HSU.
- d) Keperluan bagi kecekapan brek kenderaan adalah 50% daripada berat gandar.
- e) Keperluan bagi *Side Slip* adalah tambah (+) atau tolak (-) 5m / km.

**Panjang Keseluruhan Kenderaan**

**Kenderaan Motor Tegar**



Tidak melebihi 12,200 milimeter

**Kenderaan Bersendi**



Tidak melebihi 16,000 milimeter

<b>Pembinaan Kenderaan</b>		
<b>Jenis Kenderaan</b>	<b>Perkara</b>	<b>Keperluan</b>
Motor Tegar	Panjang Keseluruhan	Tidak melebihi 12,200 mm
Bersendi	Panjang Keseluruhan	Tidak melebihi 16,000 mm


**Lebar Keseluruhan Kenderaan**



<b>Pembinaan Kenderaan</b>	
<b>Perkara</b>	<b>Keperluan</b>
Lebar Keseluruhan	Tidak melebihi 2,500 mm




**Tinggi Keseluruhan Kenderaan**



Pembinaan Kenderaan	
Perkara	Keperluan
Tinggi Keseluruhan	Tidak melebihi 4,200 mm






**Juntaian Belakang Kenderaan**



Tidak melebihi 60% daripada jarak roda

Pembinaan Kenderaan	
Perkara	Keperluan
Juntaian Belakang	Tidak melebihi 60% antara garisan tengah gandar pertama dan garisan tengah gandar tandem belakang

**Berat Dengan Muatan (BDM) / Berat Gabungan Kenderaan (BGK)**

No.	Jenis Kenderaan	Konfigurasi Gandar	Had Berat Maksimum dengan Muatan yang dibenarkan (Kilogram)
1.	 Kenderaan motor tegar-tiga gandar	Konfigurasi Gandar 1 – 2	21,000
2.	 Kenderaan motor tegar-empat gandar	Konfigurasi Gandar 2 – 2	25,000
3.	 Kenderaan bersendi-empat gandar	Konfigurasi Gandar 1 – 1 – 2	32,000
4.	 Kenderaan bersendi-lima gandar	Konfigurasi Gandar 1 – 2 – 2	36,000
5.	 Kenderaan bersendi-enam gandar	Konfigurasi Gandar 1 – 2 – 3	38,000

Keterangan



= Tayar tunggal



= Tayar berkembar

**1. PINTU MASUK DAN KELUAR YANG DIBENARKAN**

- (a) Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan Bukit Kayu Hitam, Kedah Darul Aman;
- (b) Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bharu, Johor Darul Takzim; dan
- (c) Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang, Johor Darul Takzim.

**2. LALUAN RENTAS SEMPADAN YANG DIBENARKAN**

Negara	Nombor Lebuhraya ASEAN (AH)	Permulaan-Destinas
Malaysia	2	Bukit Kayu Hitam (Sempadan Malaysia/Thailand)- Kuala Lumpur-Seremban-Senai Utara
	2 (Timur)	Senai Utara-Pusat Pemeriksaan Johor Bharu/Woodlands (Sempadan Malaysia/Republik Singapura)
	2 (Barat)	Senai Utara-Pusat Pemeriksaan Tanjung Kupang/Tuas (Sempadan Malaysia/Singapura)